

Usaha konkrit atasi krisis kemanusiaan global

New York: Dengan konflik dan krisis kemanusiaan di beberapa negara seperti Ukraine, Palestin, Afghanistan dan Myanmar masih jauh daripada penyelesaian, Malaysia menggesa satu usaha konkrit pelbagai hala bersepadu yang diterajui Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) digerakkan bagi menyelesaikannya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata dunia amat terpolarisasi dengan persaingan negara kuasa besar yang natijahnya akan memberi kesan negatif kepada pelbagai negara, terutama negara lebih kecil di rantau berkonflik itu.

“Hasilnya ialah kita berhadapan dilema geopolitik dan geostrategik. Walaupun negara kuasa besar terus memberi jaminan bahawa tiada kata dua akan diberikan, namun realiti bagi kebanyakan pihak ialah, ini satu-satunya pilihan yang akan ditawarkan mereka,” katanya.

Dalam menyampaikan Kenyataan Negara Malaysia itu pada Sesi ke-78 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) di ibu pejabat PBB semalam, Anwar berkata, beliau bimbang keadaan sedemikian akhirnya membawa sekali lagi kepada dunia yang menyaksikan rakyat tidak diwakili sesiapa,



Krisis kemanusiaan di Gaza akibat kekejaman Zionis antara yang perlu diberi perhatian serius PBB.

dan hanya segelintir pihak memerintah kelompok yang banyak.

Berdamai melalui rundingan

Sesi itu dipengerusikan Wakil Tetap Malaysia ke PBB, Datuk Dr Ahmad Faisal Muhamad.

Dengan merujuk konflik Ukraine-Rusia, Anwar berkata, ia menekankan keperluan untuk berdamai dan menyelesaikan perbezaan secara baik me-

lalui rundingan.

“Kita tidak boleh memilih siapa jiran kita, tetapi boleh memilih untuk hidup aman dengan mereka dan keamanan tidak boleh berlaku tanpa semua pihak menghentikan permusuhan.

“Adalah penting bagi semua pihak untuk kembali berdialog dan menyelesaikan perselisihan mereka menerusi meja rundingan,” katanya.

Perdana Menteri berkata, du-

nia perlu mencari penyelesaian kepada konflik itu dengan pantas memandangkan konflik Ukraine telah tersebar ke seluruh dunia, apabila harga makanan melambung tinggi, yang kekurangan bekalan dan kelaparan, kekurangan zat makanan dan penderitaan.

“Satu lagi konflik yang terus menghantui masyarakat antarabangsa ialah Palestin yang menyaksikan politik rampasan berterusan dengan dendam kesumat dan lebih banyak penempatan haram dibina, merampas tanah daripada rakyat Palestin yang merupakan pemilik sebenar,” kata Anwar.

“Terdapat juga sikap hipokrit yang nyata dalam menangani isu Palestin. Masyarakat antarabangsa mesti bersuara menentang kekejaman terhadap rakyat Palestin, lebih-lebih lagi semasa mereka bersuara keras menentang pencabulan hak asasi manusia, ketidakadilan dan rejim yang kejam,” tambahnya.

Merujuk kepada Afghanistan, Anwar berkata, Malaysia kekal amat prihatin dengan situasi kemanusiaan yang menyedihkan di negara itu dengan bencana kemarau berlarutan untuk tahun ketiga berturut-turut.

Perdana Menteri berkata, Malaysia komited meneruskan hu-

bugan sesama rakyat sedia ada dengan Afghanistan, termasuk menerusi penyaluran bantuan kemanusiaan, namun pada masa sama menyeru pihak berkuasa negara itu menolak dasar pengecualian dan diskriminasi terhadap kaum wanita dan gadis.

“Menafikan hak mereka untuk bersekolah sesuatu yang bertentangan dengan ajaran Islam, apatah lagi jelas melanggar Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan rangka kerja pelbagai hala hak asasi manusia. Tindakan itu juga amat memudaratkan masa depan Afghanistan,” tambahnya.

Merujuk isu yang lebih dekat dengan tanah air, Anwar berkata, Malaysia amat terkejut dengan keganasan dan ketidakstabilan pasca rampasan kuasa yang berterusan di Myanmar.

Menurutnya sokongan masyarakat antarabangsa, termasuk PBB adalah penting untuk menekan pihak berkuasa tentera negara itu supaya mengubah haluan mereka.

Semasa prinsip pusat ASEAN menetapkan kekejaman berterusan mesti ditamatkan, Malaysia menyeru Myanmar untuk segera melaksanakan konsensus lima perkara ASEAN ke arah mencapai keamanan dan kestabilan di negara itu.